



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

## KENYATAAN MEDIA

### MENGENAI

## GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI PINTU-PINTU MASUK NEGARA OLEH JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

20 MAC 2020

---

Selaras dengan perutusan YAB Perdana Menteri Malaysia berhubung Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara akan dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sekatan menyeluruh terhadap semua perjalanan warganegara dan penduduk tetap Malaysia ke luar negara dan sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara seperti berikut:

1. Bagi warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang pulang dari luar negara, mereka dibenarkan masuk dan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin sendiri (*self quarantine*) selama 14 hari.
2. Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang keluar negara atas tujuan lawatan sosial adalah tidak dibenarkan kecuali yang berikut:
  - i. Pemegang Pas Jangka Panjang di Negara Ketiga dengan syarat mereka tidak pulang ke Malaysia sebelum 31 Mac 2020. Dokumen atau bukti yang kukuh perlu disertakan sebagai rujukan di kaunter pemeriksaan.
  - ii. Diplomat Malaysia yang bertugas di perwakilan luar negara.
3. Semua warganegara asing tidak dibenarkan masuk ke Malaysia termasuk pemegang pas seperti Pas Lawatan Kerja Sementara, Pas Penggajian (Pas Ekspatriat), Pas Pelajar, Pas Tanggungan (kepada Pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang) dan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H). Sekiranya pas tamat tempoh semasa perintah kawalan pergerakan dan pemegang pas berada di luar negara, mereka dibenarkan kembali semula ke negara ini dalam tempoh tiga bulan selepas tamat tempoh perintah kawalan pergerakan ini berakhir

dan dikehendaki memperbaharui pas dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh masuk ke Malaysia. Pengecualian adalah diberikan kepada yang berikut:

- i. Suami / Isteri dan anak kepada Warganegara Malaysia dibenarkan masuk dengan syarat mempunyai Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Suami / Isteri) dan Pas Tanggungan serta menjalani kuarantin sendiri (*self quarantine*) selama 14 hari.
  - ii. Diplomat asing yang bertugas di perwakilan dalam negara dibenarkan masuk dan menjalani kuarantin sendiri (*self quarantine*) selama 14 hari. Sekiranya pasangan atau keluarga diplomat ingin masuk bersama ke Malaysia, mereka perlu mempunyai Pas Tanggungan.
  - iii. Pemegang Pas Ekspatriat yang terlibat dalam *essential services* (mengikut kes tertentu) perlu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Imigresen terlebih dahulu dan menjalani kuarantin sendiri (*self quarantine*) selama 14 hari. Kelulusan perlulah diperoleh sebelum perlepasan ke Malaysia.
4. Bagi warga asing di dalam negara yang merupakan pemegang pas lawatan sosial jangka pendek dan pas jangka panjang seperti Pas Lawatan Kerja Sementara, Pas Penggajian (Pas Ekspatriat), Pas Pelajar, Pas Tanggungan (kepada Pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang) dan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H), sekiranya pas tamat tempoh semasa perintah kawalan pergerakan dan mereka berhasrat untuk:
- i. pulang ke negara asal adalah dibenarkan keluar melalui pintu-pintu masuk / keluar tanpa perlu memperbaharui pas;
  - ii. melanjutkan tempoh pas sedia ada, pembaharuan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari selepas tempoh perintah kawalan pergerakan tamat;
  - iii. pulang ke negara asal/negara transit tetapi tidak mendapat kebenaran daripada negara tersebut atau ketiadaan penerbangan keluar, hendaklah memohon Pas Khas dengan kadar segera selepas tempoh perintah kawalan pergerakan tamat.
- \*Nota: Perenggan 4 hanyalah terpakai bagi warga asing yang memiliki dokumen perjalanan yang masih dalam tempoh sah laku.*

5. Pelawat asing dibenarkan keluar dari Malaysia dan tidak dibenarkan kembali semula sepanjang tempoh sekatan ini berkuat kuasa.
6. Pergerakan penduduk dari Semenanjung Malaysia ke Negeri Sabah dan Sarawak dan sebaliknya adalah tertakluk kepada undang-undang dan arahan semasa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
7. Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang hanya transit di sempadan Malaysia – Brunei dibenarkan masuk dan keluar mengikut arahan Pihak Berkuasa Negeri yang sedang berkuat kuasa.
8. Warganegara dan penduduk tetap Malaysia atau warganegara asing yang memandu kenderaan berat untuk tujuan membawa *essential services related items / commercial items* adalah dibenarkan keluar dan masuk serta dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan. Walau bagaimanapun, pergerakan item tersebut adalah tertakluk kepada arahan semasa yang dikeluarkan oleh agensi lain yang berkaitan.
9. Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang menggunakan perkhidmatan kereta api di Padang Besar, Woodland Train Check Point (WTCP) dan Johor Bahru Sentral hanya dibenarkan untuk masuk ke Malaysia sahaja.

**YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN**  
**MENTERI KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Putrajaya

---

*Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media ini sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat di talian 03 – 8886 8524/ 8525.*